

1100071216

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

thesis
BF 637 .I48 R6 2008



1100071216

Hubungan interaksi keluarga dengan konsep kendiri dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang melanggar disiplin di daerah Kuala Terengganu / Rohaya Hashim.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21830 KUALA TERENGGANU

Lihat sabetah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

HUBUNGAN INTERAKSI KELUARGA DENGAN KONSEP
KENDIRI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
YANG MELANGGAR DISIPLIN DI DAERAH
KUALA TERENGGANU

ROHAYA BINTI HASHIM

Tesis ini dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat untuk Memperolehi
Ijazah Sarjana Sains di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
Universiti Malaysia Terengganu

November 2008

1100071216

Didedikasikan hasil kerja ini
untuk suami tercinta, Zameri bin Said;
bonda tersayang, Hajjah Rakna binti Salleh;
ayahanda tersayang, Haji Hashim bin Muhammad
serta anak-anak yang dikasihi, Muhammad Hafizuddin,
Muhammad Hazimuddin, Muhammad Hazmi Mustaqim,
Muhammad Izzat dan Muhammad Ikhwan Hakimi
kerana sentiasa memahami dan menyokong dari
belakang begitu juga ahli keluarga yang lain.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains.

**HUBUNGAN INTERAKSI KELUARGA DENGAN KONSEP KENDIRI
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH YANG
MELANGGAR DISIPLIN DI DAERAH KUALA TERENGGANU**

ROHAYA BINTI HASHIM

November 2008

Pengerusi : Ruhani bt Mat Min, PhD

Ahli : En. Abdullah bin Mohamed

Fakulti : Pengurusan dan Ekonomi

Kajian ini bertujuan mengenal pasti profil interaksi keluarga dan konsep kendiri dalam kalangan pelajar yang melanggar disiplin sekolah. Objektif kajian ini juga untuk mengenal pasti perhubungan di antara interaksi keluarga dengan konsep kendiri mereka serta perhubungan di antara subskala interaksi keluarga iaitu kefungsian umum keluarga, kejelekitan dalam keluarga, komunikasi keluarga dan sistem peraturan keluarga dengan konsep kendiri mereka.

Kajian ini menggunakan soal selidik yang mengandungi 50 item yang terdiri daripada tiga bahagian, iaitu maklumat demografi, skala konsep kendiri dan skala interaksi keluarga. Seramai 313 orang responden dari Kuala Terengganu terlibat sebagai sampel. Untuk mendapatkan maklumat yang

lebih terperinci, seramai tiga orang peserta kajian telah ditemui bual bagi tujuan ini.

Dapatan kajian menunjukkan wujud faktor tertentu yang memainkan peranan signifikan terhadap perbezaan interaksi dalam keluarga pelajar yang melanggar disiplin sekolah, iaitu pekerjaan bapa ($F(8,304)= .002$, $p<0.05$), pekerjaan ibu ($F(7,305)=.013$, $p<.05$), pendidikan bapa ($F(5,307)=.001$, $p<.05$) dan pendapatan keluarga ($F(4,308)=.000$, $p<.05$).

Dapatan kajian juga menunjukkan wujud faktor tertentu yang memainkan peranan signifikan terhadap perbezaan konsep kendiri mereka, iaitu bilangan adik-beradik ($F(2,310)= .097$, $P<0.05$), pekerjaan bapa ($F(8, 304) = .001$, $p<0.05$) dan pendapatan keluarga ($F(4, 308) = .002$, $p<0.05$). Analisis ujian korelasi menunjukkan terdapat perkaitan signifikan di antara interaksi keluarga dan konsep kendiri dalam kalangan pelajar berkenaan ($r = .545$).

Hasil kajian turut menunjukkan terdapat perkaitan signifikan di antara semua subskala interaksi keluarga iaitu kefungsian umum keluarga ($r = .596$), kejelekitan dalam keluarga ($r =.473$), komunikasi keluarga ($r =.344$) dan sistem peraturan keluarga ($r =.439$) dengan konsep kendiri mereka.

Persamaan regresi yang dibentuk daripada empat faktor, iaitu subskala interaksi keluarga yang terdiri dari kefungsian umum keluarga, kejelekitan

dalam keluarga, komunikasi keluarga dan sistem peraturan keluarga telah menyumbang sebanyak 31.8 peratus penerangannya ke atas konsep kendiri mereka.

Dua faktor iaitu kefungsian umum keluarga dan kejelekitan dalam keluarga menyumbang secara positif serta mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap konsep kendiri pelajar yang dikaji pada paras 0.01. Kefungsian umum keluarga mempunyai pengaruh yang paling kuat ke atas konsep kendiri mereka dengan koefisien beta (0.425, $p < .001$). Koefisien beta faktor lain yang juga berpengaruh secara signifikan ke atas konsep kendiri mereka ialah kejelekitan dalam keluarga (0.129, $p < .001$).

Implikasi dapatan kajian ini mencadangkan interaksi keluarga boleh memberi pengaruh besar terhadap pembentukan konsep kendiri pelajar. Pelajar yang mengalami interaksi keluarga positif berkemungkinan besar mengalami pembentukan konsep kendiri yang tinggi dan boleh menghalang pelajar melakukan tingkah laku negatif di sekolah. Ini bermakna corak interaksi keluarga perlu diberi perhatian serius oleh ibu bapa agar konsep kendiri dan tingkah laku pelajar berkembang ke arah positif.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfillment of the requirement for degree of Master of Sciences

THE RELATIONSHIP BETWEEN FAMILY INTERACTION AND SELF CONCEPT AMONG STUDENTS WHO ENGAGED IN DISRUPTIVE BEHAVIORS IN KUALA TERENGGANU

ROHAYA BINTI HASHIM

November 2008

Chairman : Ruhani bt Mat Min, PhD

Member : En. Abdullah bin Mohamed

Faculty : Management and Economics

This study aims to identify the profile of the family interaction and of self concept among students who engaged in disruptive behaviors. In addition, this study also aims to identify the relationship between family interaction of the students and their self concept and the relationships between the subscales of the family interaction, namely family functionality, cohesiveness, communication in the family and system of rules in the family with the self concept of the students.

This study used a three-part questionnaire which consists of 50 items.

There were 313 respondents from district of Kuala Terengganu involved in

the study. In order to obtain more information, interviews were conducted with three participants.

The findings of this research showed that certain elements indeed play significant roles in the difference of student's family interaction. These include the father's occupation ($F(8,304)= .002$, $p<0.05$), the mother's occupation ($F(7,305)=.013$, $p<.05$), the father's level of education ($F(5,307)=.001$, $p<.05$) and the income of the family ($F(4,308)=.000$, $p<.05$).

The results of the study also showed that certain elements play significant roles in determining the difference in student's self concept. These are the number of siblings ($F(2,310)= .097$, $P<0.05$), the father's occupation ($F(8, 304) = .001$, $p<0.05$) and the income of the family ($F(4, 308) = .002$, $p<0.05$). Correlation analysis showed that there is a significant relation between family interaction and self concept among the students who constantly break their school rules ($r = .545$).

The results of the study also indicated that there is a significant relationship between all the subscales in family interactions, namely family functionality ($r = .596$), family cohesiveness ($r = .473$), communication in the family ($r = .344$) and the family's system of rules ($r = .439$) and the student's self concept.

The regression equation which constitutes four factors (independent variables), namely subscale of family interaction, which comprises of family's functionality, cohesiveness, communication in the family and in the family's system of rules contributed 31.8% to the student's self concept.

Two factors, namely family functionality and cohesiveness, contribute positively and significantly to the student's self concept at a level of 0.01. Evidently, family functionality affects the student's self concept the most, with a beta coefficient of 0.425, $p < .001$. The other beta coefficient that also markedly influences a student's self concept is cohesiveness in the family. (0.129, $p < .001$).

The findings of this study have indicated that family interaction can greatly influence the formation of self-concept among school students. This means that parents must give serious attention to their family's interaction pattern so as to ensure their children will develop positive self-concept. Their experience of positive family interaction may result in positive development of self concept. In addition, family interaction play significant role for student's behavior. Positive family interaction would prevent students from negative attitudes in school. In conclusion, family interaction contributes to development of self-concept among school students.